

Kontinjen UMT nekad baiki kedudukan

20/5/2010 SH MS T 22



● Kontinjen Masum UMT bersedia untuk membaiki kedudukan yang lebih baik pada Kejohanan Masum 2010.

AZMI WAHAB

KUALA TERENGGANU - Kontinjen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) nekad mahu baiki kedudukan pada Kejohanan Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2010.

Kejohanan itu sedang berlangsung dua fasa iaitu pada fasa pertama di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau Perlis sejak 15 hingga 21 Mei dan fasa kedua di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

pada 22 hingga 30 Mei.

Seramai 68 atlet kontinjen UMT menghadapi lebih 10 jenis sukan yang disertai dan bilangan penyertaan dalam acara yang lebih banyak memberi kekuatan kepada mereka menduduki tangga lebih baik.

Pada fasa pertama, lima acara disertai iaitu bola tampar, bola lisut, tenis, karate-do dan badminton manakala fasa kedua pula, acara yang akan disertai adalah bola jaring, bola keranjang, silat,

taekwondo dan futsal.

Kedua-dua fasa yang berlangsung perlu diberi fokus untuk memungut mata terbanyak dalam memburu juara keseluruhan kejohanan itu.

Menurut Ketua Sekretariat Masum UMT, Siti Norian Yaacob, persediaan mencukupi daripada atlet akan membantu kontinjenjnya meraih kedudukan pada tangga kesepuluh terbaik.

"Jika pada tahun lalu kontinjen kami sekadar menduduki tangga

ke-15 terbaik, kedudukan itu mampu dibaiki pada kali ini memandangkan peserta terlibat mempunyai masa panjang melakukan persiapan untuk menghadapi kejohanan ini," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, persiapan atlet terlibat telah dijalani pada dua fasa iaitu pada fasa pertama, latihan diadakan pada 11 hingga 14 Mei lalu, manakala fasa kedua latihan diadakan pada 19 hingga 21 Mei.

"Latihan sempurna memberi keyakinan kontinjen kami mampu meraih kedudukan lebih baik, sekali gus dinobatkan sebagai juara kejohanan," katanya.

Beliau berkata, kontinjen dibarisi atlet baru dan lama ini mempunyai potensi memberi saingan sengit terhadap kontinjen yang lain.

"Beberapa acara dikenal pasti untuk memberi cabaran sengit termasuk silat, karate-do dan bola tampar," katanya.